

MENGUNGKAP TAMADUN SILAM MELALUI BAHASA: DOKUMENTASI DAN REKONSTRUKSI LEKSIKAL DIALEK HULU PERAK UTARA (DIALEK REMAN)

***(UNVEILING AN ANCIENT CIVILIZATION THROUGH
LANGUAGE: THE DOCUMENTATION AND LEXICAL
RECONSTRUCTION OF THE NORTHERN HULU PERAK
(REMAN DIALECT)***

Nur Habibah Che Rosdi

Abstrak

Makalah ini merupakan suatu usaha merekonstruksi leksikon Dialek Hulu Perak Utara Purba (DHPUP) yang diandaikan pernah wujud di bahagian Hulu Perak Utara suatu ketika dahulu. Tujuan makalah ini dilakukan adalah untuk memperolehi leksikon purba dialek Hulu Perak Utara (HPU) dan menelusuri hubungannya dengan bahasa induk Melayik Purba (MP) serta varian-varian turunan, melalui penelitian terhadap persamaan dan perbezaan leksikon yang dibandingkan. Kaedah perbandingan yang digunakan dalam makalah merupakan tatakaedah perbandingan kualitatif atau dikenali sebagai kaedah tradisional dalam bidang linguistik sejarawi dengan cara kerja rekonstruksi dalaman. Perbandingan ini didasari dengan 200 kata kognat dalam enam bidang semantik. Sembilan buah varian di HPU (Gerik dan Pengkalan Hulu) dijadikan dasar kepada perbandingan. Hasil rekonstruksi telah menemukan leksikon purba dialek HPU (ditandai dengan (*) – astrik) dan mendapat varian-varian turunannya adakalanya wujud pewarisan langsung daripada DHPUP dan ada juga mengalami inovasi leksikon. Manakala hasil perbandingannya dengan MP mendapat adakalanya wujud persamaan, namun begitu keutuhan DHPUP tetap wujud sebagai dialek purba yang memiliki leksikonnya tersendiri. Implikasi daripada kajian ini sedikit sebanyak dapat memberi input dalam membuat klasifikasi varian di HPU, serta memberi sambutan kesarjanaan dalam melakukan kerja rekonstruksi leksikon mengikut tatakaedah kualitatif.

Kata kunci: Dialek Hulu Perak Utara Purba, inovasi, leksikon purba, rekonstruksi leksikon, retensi.

Abstract

This paper represents an effort to reconstruct the lexicon of the Ancient Northern Hulu Perak Dialect (DHPUP), which is hypothesized to have once existed in the northern region of Hulu Perak. The primary objective of this study is to recover the proto-lexicon of the Hulu Perak Utara (HPU) dialect and to explore its relationship with the Proto-Malayic (PM) parent language and its subsequent variants by analyzing lexical similarities and differences. The methodological framework employed in this study is qualitative comparative reconstruction, commonly known as the traditional approach in historical linguistics, through internal reconstruction procedures. This comparison is based on 200 cognate words distributed across

*six semantic domains. Nine dialectal variants from the HPU region (Gerik and Pengkalan Hulu) served as the comparative basis. The reconstruction process yielded a proto-lexicon for the HPU dialect (marked with an asterisk *) and revealed that some descendant variants show direct inheritance from DHPUP, while others display lexical innovations. Comparative analysis with PM indicates occasional similarities, yet the integrity of DHPUP remains intact as an ancient dialect with a distinct lexicon. The implications of this study contribute to the classification of dialectal variants in the HPU region and offer a scholarly foundation for future lexicon reconstruction employing qualitative methods.*

Keywords: Ancient Northern Hulu Perak Dialect, innovation, proto-lexicon, lexical reconstruction, retention.

PENGENALAN

Rekonstruksi, memulihkan atau kegiatan penghasilan semula bahasa purba dianggap sahih dan relevan melalui andaian wujudnya salasilah sebuah keluarga bahasa. Menurut Noriah & Rohani (2011), ciri-ciri bahasa purba diwarisi oleh bahasa dan dialek semasa, sama ada ciri tersebut mengalami perubahan atau pun masih kekal. Dialek atau bahasa semasa digunakan kerana diandaikan kedua-duanya wujud hasil perkembangan bahasa yang terdahulu. Dengan kata lain, terdapat bahasa yang lebih tua yang dianggap memencarkan dialek atau bahasa yang lebih muda.

Satu-satunya bidang yang dapat membina semula bahasa purba adalah melalui linguistik sejarawi dan perbandingan (LSP). Menurut Groys (1996: 22) linguistik bandingan sejarah adalah suatu cabang dari ilmu bahasa yang mempersoalkan bahasa dalam bidang waktu serta perubahan unsur-unsur bahasa yang terjadi dalam bidang waktu tersebut. Ia mempelajari data daripada suatu bahasa atau lebih, sekurang-kurangnya dalam dua waktu. Harrison, seperti yang dipetik Noriah (2021), merumuskan linguistik bandingan sejarawi membandingkan bahasa atau dialek semasa secara sinkronik dan diakronik untuk menjangkau lebih jauh kedalam kehidupan bahasa atau dialek pada zaman prasejarah dengan meneliti empat objektif: (i) berusaha menelusuri sejarah dan mengungkap perkaitan antara bahasa pada zaman prasejarah, (ii) memulihkan, membina semula atau merekonstruksi bentuk bahasa induk yang dianggap memencarkan bahasa-bahasa sekerabat yang wujud sekarang, (iii) berfungsi melakukan pengelompokan bahasa, dan (iv) meramalkan pusat penyebaran bahasa induk dan menelusuri perpindahan penutur bahasa induk berkenaan.

Makalah ini memberikan tumpuan kepada (i) dan secara tidak langsung mendeskripsikan objektif (ii), iaitu merekonstruksikan leksikon dialek Hulu Perak Utara Purba (DHPUP) dengan cara rekonstruksi dalaman, tatakaedah kualitatif. Munculnya makalah ini disebabkan apabila meninjau ke dalam LSP di Malaysia, upaya rekonstruksi dalaman leksikon melalui tatakedah kualitatif terhad lakukan secara tuntas. Kajian perbandingan leksikon sebelum ini rata-ratanya menggunakan perbandingan kuantitatif, atau lebih khusus kaedah yang digelar leksikostatistik dan glotokronologi yang bertujuan untuk mengkaji hubungan dan jarak masa antara bahasa-bahasa yang berkaitan melalui perbandingan kosa kata teras. Malah kajian rekonstruksi dalaman terhadap dialek-dialek Melayu di semenanjung masih lagi asing. Rekonstruksi yang ada kini hanyalah rekonstruksi bahasa yang lebih tinggi tahapnya, seperti kajian Asmah (1995a, 1995b) dan Adeelar (1992). Kurangnya kajian kualitatif ini mungkin disebabkan rekonstruksi leksikon secara ‘per se’ memiliki kelebihannya (Rahim Aman 2017). Namun Rahim Aman (2017) menegaskan kelebihan tersebut harus ditangani untuk memperoleh satu bentuk leksikon purba. Kelebihan tersebut ditangani dengan tatakaedah rekonstruksi leksikon seperti yang disarankan oleh Crowley (2010), Fox (1995) dan Campbell (2001). Sekurang-kurangnya, dengan cara merekonstruksi leksikon dapat mendokumentasikan sesebuah bahasa atau dialek daripada lenyap.

Seterusnya dalam konteks dialek di Perak, negeri ini direkodkan mempunyai kepelbagaiannya varian dialek Melayu. Di bahagian-bahagian tertentu di negeri Perak merupakan kawasan penyebaran dialek-dialek lain, yakni dialek Petani di daerah Hulu Perak dan Larut Matang, dialek Kedah di daerah Taiping ke utara, dialek Selangor di daerah Ipoh ke Selatan, dialek Perak di Parit dan Kuala Kangsar,

dialek Melayu Rawa di Gopeng dan Selama (Asmah 2008). Sungguhpun begitu, lazimnya para sarjana lebih tertarik dengan kajian dialek asli Perak berbanding dengan dialek-dialek Melayu lain di Perak seperti yang disebutkan. Bukti empirikal tentang ciri fonologi dialek Perak dan pengelompokannya telah berjaya dibahaskan oleh para peneliti lepas seperti Ismail Hussien (1973), Harun Mat Piah (1986), Asmah (2008), Raja Mukhtaruddin (1986), Zaharani Ahmad (1999), Nuwairi (2003) dan sebagainya. Namun begitu, dari segi pengelompokan dialek-dialek di Perak, terutama dialek Patani terdapat sedikit perbezaan pendapat antara beberapa pengkaji lepas. Hal ini kerana mungkin disebabkan atas faktor kekeliruan pemplotan kawasan dan kewujudan varian dialek Patani yang pelbagai di Hulu Perak. Kewujudan varian dialek Patani yang pelbagai dibuktikan dalam kajian Tajul Arippin & Tarmiji Misron (2002 & 2014), Nur Habibah (2014), Norhashimah (2015) Siti Noraini et al. (2017) dan Sakinah & Fazal (2016). Isu ini akan dibincangkan dalam ulasan kosa ilmu yang menyusul.

Oleh sebab titik penelitian lepas banyak menfokuskan kepada kajian dialek asas Perak, maka wujud kelompongan kosa ilmu terhadap dialek lain di Perak, terutama dalam bidang LSP. Justeru itu, makalah ini mengupayakan sebuah rekonstruksi dalaman yang memfokuskan pemerolehan leksikon purba terhadap sebuah dialek Melayu Patani di Hulu Perak yang diandaikan wujud dan dituturkan di Hulu Perak Utara (HPU) melalui tatakaedah kualitatif. Selain kurangnya kajian dialek Patani di Hulu Perak ini, sejarah ketamadunannya yang hebat (merupakan bekas Kerajaan Reman) menjadikan kawasan ini dipilih untuk dilakukan kajian. Sehingga kini, masih belum ada gambaran yang jelas tentang penelusuran sejarah dan mengungkap perkaitan antara bahasa zaman prasejarah di Hulu Perak. Setakat ini, cuma terdapat kajian linguistik perbandingan geografi secara tradisional di Hulu Perak (Nur Habibah 2014), linguistik bandingan geografi (pendekatan *Geographical Information System (GIS)*) (Norhashimah 2015; Siti Noraini et al. 2017) dan linguistik perbandingan fonologi dialek Hulu Perak (Tajul Arippin & Tarmiji Misron 2002 & 2014) dan linguistik bandingan sintaksis (Fazal Mohamed & Sakinah 2016) sahaja.

SEJARAH HULU PERAK DAN KERAJAAN REMAN

HPU merupakan salah satu daerah dalam negeri Perak dan merupakan daerah paling besar yang merangkumi daerah Lenggong, Gerik dan Pengkalan Hulu. Keseluruhan daerah ini dibahagikan kepada 10 mukim iaitu Gerik, Kerunai, Kenering, Temenggor, Belum, Pengkalan Hulu, Belukar Semang, Lenggong, Temelong dan Durian Pipit. Dialek pertuturan di daerah ini terkenal dengan dialek Patani (Ismail Hussien 1973, Harun Mat Piah 1983, Asmah Omar 2015). Secara ringkasnya Hulu Perak asalnya adalah sebahagian daripada negeri Reman dalam wilayah Pattani pada suatu ketika dahulu. Orang-orang Melayu Patani merupakan golongan yang terawal mendiami dan membuka hutan di Hulu Sungai Perak.

Berdasarkan catatan sejarah Hulu Perak, orang yang mula-mula membuka Perak ialah Tun Saban, anakanda Tun Perak. Kisah kedatangan Tun Saban ke Perak diceritakan panjang lebar oleh (Raja Razman 1963). Berikut ini akan diceritakan sebahagian sejarah penting mengenai kedatangan Tun Saban ke Hulu Perak. Kisahnya bermula kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511. Kejatuhan Melaka ini telah menyebabkan Sultan Mahmud Syah berpindah, dan menubuhkan kerajaan di Bentan. Serangan kedua Portugis pada 1526, baginda berpindah pula ke Kampar. Pada ketika inilah Tun Saban berhijrah ke Hulu Patani dan menetap di Beredung Budi. Seterusnya Tun Saban berpindah ke Belum di Hulu Perak dan membuka perkampungan di kawasan Relap Hati dan menjadi ketua masyarakat Belum. Menurut Roslelawati Abdullah (2017) daerah Hulu Perak sangat luas, iaitu bermula dari Selatan Negeri Patani hingga ke Kuala Temong. Menjelang kurun ke-19, sebahagian besar daripada daerah Hulu Perak adalah di bawah pemerintahan negeri Reman.

Negeri Reman merupakan pecahan daripada negeri Patani. Menurut Ahmad Fathy (1994), sebelum jatuh ke tangan Siam pada tahun 1785, Patani adalah sebuah negeri besar yang merangkumi kawasan-kawasan yang sekarang dikenali Changwad atau Narathiwat, Yala, Patani dan sebahagian daripada Wilayah Songkhla atau Senggora. Malah sebahagian besar daerah Hulu Perak di Semenanjung Malaysia sekarang – Lenggong, Kenering, Gerik, Selama, Rantau Panjang dan Pengkalan Hulu dahulunya dikatakan sebahagian daripada negeri Patani Darul Salam. Menurut Raja

Razman (1963) pengasasan Reman berlaku pada tahun 1810 apabila Tuan Nik Tok Leh menganjurkan penentangan terhadap Raja Patani pada masa itu. Menurut beliau Raja Razman dalam Roslelawati Abdullah (2017):

Negeri Reman itu asalnya ialah sebahagian daripada negeri Patani juga. Akan tetapi kira-kira dalam tahun 1810, seorang daripada keluarga Raja Patani lalu mengangkat dirinya menjadi Raja di Reman. Raja Patani cuba memadamkan pemberontakan itu tetapi tidak berjaya sebab Tuan Nik Tok Leh telah lama bersedia dan berupaya mempertahankan negeri yang baru dikuasainya itu, meskipun tidak ada pertempuran besar yang berlaku di antara kedua buah negeri tersebut tetapi perperangan cara gerila berjalan bertahun-tahun lamanya. Sambung Raja Razman (1963) lagi, perperangan yang berjalan berlarutan antara Patani dengan Reman itu telah membuka ruang kepada orang-orang Siam yang telah lama tunggu dan bercita-cita untuk meluaskan kekuasaan mereka jauh ke Selatan, apabila kedua-dua negeri ini bergaduh sesama sendiri sehingga masing-masing lemah, masa inilah Siam akan masuk menyerang dan menakluk negeri-negeri itu dengan mudah . (Roslelawati Abdullah 2017:11-12)

Walau bagaimanapun, menurut Roslelawati (2017), terdapat perselisihan pendapat terhadap tempoh atau tarikh yang sebenarnya dalam penentuan negeri Reman terbentuk. Menurut Roslelawati, tempoh sebenar negeri Reman diasaskan adalah pada abad ke-18, iaitu sebelum ia jatuh ke tangan Siam. Ini didasari dengan fakta sejarah berhubung penaklukan Siam ke atas Patani berlaku pada tahun 1786, iaitu pada abad ke-18 sewaktu Siam berada di bawah pemerintahan Rama I Pra Putera Yot Fa Chulalok (1782-1809) (Mohd. Zamberi 1993:96).

Selepas British berjaya mengambil alih pentadbiran negeri Perak, Residen pertama Perak J.W.W Birch telah menjemput Walter Knaggs, iaitu seorang juruukur bagi mengemas kini tempat-tempat seluruh negeri Perak. Dalam catatannya, tidak menyebut langsung nama-nama tempat di Hulu Perak kerana masih dianggap sebagai Selatan Reman atau Hulu Patani (Mohd. Zamberi 2017).

Sempadan tradisional antara negeri Perak dan Patani bertempat di Rantau Ulu sekitar Kuala Temong dan Kuala Sungai Pelus di Chegar Galah sudah pun lama bergenjak hingga kawasan Durian Pipit. Akibat tercetusnya peristiwa Sira Pari, sempadan Perak-Patani diperkuuhkan pada tahun 1884 dan buat pertama kalinya mewujudkan kawasan Hulu Perak. Hal ini sekaligus mengubah takrif Rantau Ulu atau Hulu Perak yang selama ini berada di sekitar Kuala Kangsar hingga Lenggong (2017: 64-65).

Daripada kawasan Durian Pipit, kini peluasan kawasan Hulu Perak diubah jauh hingga ke Bukit Naksah (antara Kenayat dan Tawai, Batu 91, sebelum pekan Grik sekarang). Mohd. Zamberi (2017:66) menjelaskan selama 15 tahun kerajaan British di negeri Perak telah meluaskan kuasa pertamanya di daerah Hulu Perak, tetapi belum berpuas hati terhadap kawasan yang diperolehnya. Pihak berkuasa Perak melihat masih ada peluang untuk mendapatkan kawasan terkaya di Selatan Reman yang meliputi Kelian Intan, Klian Indah, Rui hingga Kroh. Cadangan untuk membentuk sempadan kedua timbul berikutan musim kemarau yang melanda penduduk Kerunai di bawah pemerintahan Kerajaan Reman. Kesempatan ini diambil oleh Hubert Berkelay berbaik-baik dengan penduduk dengan menghantar bekalan makanan kepada penduduk Kerunai yang hampir kelaparan kerana musim kemarau. Sambil menunjukkan sikap berbaik-baik, beliau bertindak mengubah penetapan batu sempadan Perak-Reman ke Kubang Gendang, di Kuala Kuak.

Menurut Mohd Zamberi (2017: 66) lagi, penyerahan kawasan Selatan Reman oleh pihak berkuasa Bangkok tidak dipersetujui oleh Raja Reman, Tuan Jagong. Pada April 1887, baginda sendiri ke Bangkok menemui Menteri Luar Negeri Siam untuk menentang campur tangan hak kedaulatan baginda secara turun temurun . Berita kemangkatan Raja Reman yang telah berkhidmat selama 50 dalam Kerajaan Reman telah memudahkan proses penyerahan Hulu Reman kepada negeri Perak.

Ringkasnya, persengketan perebutan persempadanan kawasan Perak-Reman diakhiri dengan suatu perjanjian yang bersejarah. Perjanjian Sempadan Hulu Perak-Reman yang dikenali Perjanjian Bangkok 10 Mac 1909 atau dikenali *Anglo-Siamese Agreements*. Tiada lagi kuasa pemerintahan raja-raja Melayu di seluruh negeri Reman dan Kerajaan Melayu Patani akibat terhapusnya Kesultanan Melayu Patani pada tahun 1909 (Ahmad Atory 1975 dalam Mohd Zamberi 2017). Rentetan itu, kawasan seluas 2,300 batu persegi yang meliputi Klian Intan, Klian Indah, Klian Mas, Rui, Kroh (kini

Pengkalan Hulu), Empat Air, Belum, Tapong dan Temenggor telah diserahkan kepada kerajaan Reman menjadi sebahagian daripada peluasan daerah Hulu Perak seperti yang tertera dalam peta moden kini (Mohd Zamberi 2017:70).

ULASAN KOSA ILMU

Tinjauan ke atas kosa ilmu yang berkaitan dengan dialek Perak mendapati bahawa kajian yang condong ke arah LSP belum pernah dikaji, lebih-lebih lagi dialek lain di negeri Perak, seperti di Hulu Perak Utara (HPU), masih terhad dalam penyelidikan linguistik sejarah. Sebahagian besar kajian tentang dialek Perak tertumpu di kawasan Perak Tengah seperti Parit, Bota dan Kuala Kangsar, iaitu kawasan yang menuturkan dialek asas Perak. Kajian-kajian tersebut telah berjaya menghuraikan ciri-ciri fonologi dialek Perak dengan begitu baik (Zaharani Ahmad 1991; Asmah 2015; Raja Mukhtaruddin 1986; Nuwairi 2003). Namun daripada segi pengelompokan dialek Hulu Perak, pengkaji-pengkaji seperti Ismail Hussien (1973), Harun Mat Piah (1983) dan Asmah (2015) mempunyai pandangan yang berbeza. Harun Mat Piah (1983) mengelompokan dialek Hulu Perak dituturkan di Gerik dan Kelian Intan, Ismail Hussien (1973) pula menyatakan secara umum, bahawa di Hulu Perak menuturkan dialek Patani yang menghampiri pertuturan dialek Terengganu. Manakala Asmah (2015) merumuskan dialek Patani merujuk kepada daerah Hulu Perak dan Larut Matang Selama (LMS). Menurut Asmah, dialek patani yang dituturkan di LMS mempunyai banyak persamaan dengan dialek Perak dan berbeza dengan dialek patani yang lain, terutama dialek Patani Kedah. Perbezaan pengelompokan ini memperlihatkan bahawa ciri linguistik dialek di Hulu Perak masih samar dan tidak jelas. Ketiga-tiga pengkaji ini melakukan pengelompokan berdasarkan kaedah perbandingan antara dialek kualitatif yang bertujuan untuk mengesan dialektal. Kaedah ini melakukan pengelompokan berdasarkan persamaan ciri linguistik yang sama disatukan dalam kelompok yang sama, manakala ciri linguistik yang berbeza, disatukan dan berada dalam kelompok yang berbeza. Kaedah perbandingan sedemikian dilihat agak sempit dan mudah, kerana dilihat pengelompokan dialek hanya berlandaskan kepada ciri linguistik lokasi keberadaan dialek-dialek berkenaan sahaja, tidak secara menyeluruh. Keadaan inilah yang mengakibatkan pengelompokan lokasi dialek patani di Hulu Perak masih samar dan tidak jelas.

Menjelang abad ke-20 bermulanya kajian-kajian di Hulu Perak. Dalam kosa ilmu kajian Hulu Perak, titik penelitian lebih kepada kajian linguistik perbandingan tipologi (meneliti persamaan dan perbezaan bahasa dan dialek dari segi ciri linguistik seperti fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan lain-lain) seperti Tajul Arippin & Tarmizi Misron (2002 & 2014), Nur Habibah (2014), Sakinah & Fazal Mohamed (2016) dan kajian linguistik perbandingan kawasan (meneliti persamaan dan perbezaan dialek berdasarkan ruang) seperti kajian *Geographical Information System GIS* oleh Nor Hashimah (2015) dan Siti Noraini et al. (2017). Hasil-hasil kajian ini menemukan pelbagai varian yang tersebar di daerah Hulu Perak, iaitu di Gerik dan Lenggong. Kesemua varian yang ditonjolkan dalam kajian-kajian ini memperlihatkan perbandingan realisasi fonetiknya, kekangan fonotaktik, sintaksis, dan aspek leksikal. Namun begitu, kajian lepas yang dinyatakan di atas belum mampu menelusuri sejarah perkembangan wujudnya varian di HPU dari aspek apatan yang lebih empirikal.

Dalam konteks LSP di Malaysia pula, sehingga kini masih belum ada kebolehan rekonstruksi leksikon dalaman terhadap dialek-dialek Melayu Semenanjung dilaksanakan secara tuntas. Jika ada upaya rekonstruksi yang dilakukan adalah berupa rekonstruksi bahagian fonologi tertentu yang terpecah-pecah seperti yang dilakukan dalam beberapa kajian di semenanjung sebelum ini, antaranya Collins (1983 & 1985), Tarmizi et al. (2014), Norfazilah et al. (2021) dan selebihnya di Sabah Sarawak seperti Rahim Aman (2017 & 2018), Norfazilah (2014 & 2015), Collins (1987). Semua kajian ini membicarakan rekonstruksi dialek-dialek Melayu di Malaysia. Namun hanya kajian Rahim Aman (2017 & 2018) dan Norfazilah (2014) yang mengandungi kerja rekonstruksi leksikon setelah rekonstruksi fonem dilakukan.

Oleh sebab titik penelitian lepas masih samar tentang pengelompokan dialek Hulu Perak dan penelitian yang ada pun banyak memfokuskan kajian linguistik bandingan tipologi dan linguistik bandingan geografi di Hulu Perak, maka wujud kelompongan kosa ilmu dalam bidang LSP khususnya dalam meneliti leksikon purba dialek HPU secara kualitatif. Seperti yang dirumuskan oleh Noriah

(2021) pada bahagian pengenalan, terdapat empat objektif yang perlu dipenuhi oleh bidang LSP dalam kajian dialek. Maka makalah ini akan membawa sedikit kelainan daripada kajian yang sebelumnya. Kajian-kajian sebelum ini hanya memperlihatkan perbezaan atau persamaan yang wujud dalam varian-varian di HPU masa kini, sama ada fokusnya kepada ciri fonologi, leksikal, sintaksis mahupun berasaskan ruang. Kajian ini akan menjangkau lebih jauh ke dalam kehidupan dialek pada suatu masa dahulu dengan menghasilkan leksikon purba DHPU melalui rekonstruksi leksikon yang dilakukan terhadap varian-varian yang wujud pada masa kini di HPU, serta merumuskan perkembangan varian di HPU berdasarkan inovasi yang berlaku.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah penyelidikan yang dimanfaatkan adalah kaedah penyelidikan perbandingan kualitatif iaitu dengan cara merekonstruksi leksikon varian HPU untuk memperoleh leksikon purba HPU. Rekonstruksi beberapa leksikon dasar dialek HPU berdasarkan enam bidang semantik waktu, alam sekitar dan warna, istilah kekerabatan, kata ganti nama, anggota tubuh manusia dan emosi dan perbuatan. Pemilihan bidang semantik ini berdasarkan himpunan data yang diguna pakai dalam penelitian rekonstruksi fonem DHPUP berjumlah 508 kosa kata. Namun begitu, untuk tujuan rekonstruksi leksikon dalam makalah ini, hanya 200 kosa kata yang terdapat dalam bidang semantik ini direkonstruksikan.

Ringkasnya kutipan 508 kosa kata menggunakan metode cakap dan metode semak Mahsun (1995) di kawasan lapangan (sembilan kampung di Gerik dan Pengkalan Hulu), merangkumi varian-varian kampung Perah (PRH), Kerunai (KRN), Selarong (SLRG), Kuak Hulu (KHLU), Padang Kunyit (PDG KNYT), Bongor (BNGR), Bersia Lama (BSLM) dan Simpang Pulai (SPG PLAI). Sembilan kawasan kampung ini antara kawasan yang dikesan mempunyai varian yang berlainan antara satu sama lain. Biarpun secara kasarnya masih ada varian lain yang dituturkan, namun untuk kajian ini, pengkaji memilih sembilan varian yang dinyatakan untuk mewakili keseluruhan varian di kawasan HPU.

Teknik yang dimanfaat adalah temu bual mendalam berlandaskan daftar kosa kata, pengajuan gambar, rakaman dan catat. Daftar kata yang diperolehi, ditaranskripsi menggunakan simbol *International Phonetic Alphabet* (IPA). Kesemua informan yang ditemu bual memiliki kriteria NORM/F (*Nonmobile, old, rural, male/female*) dan lengkap alat pertuturan. Alat pertuturan yang lengkap membawa maksud alat artikulasi seperti bibir yang tidak sumbing, gigi yang penuh (termasuk gigi palsu), lidah normal atau ringkasnya tiada kecacatan alat peruturan bahasa untuk berkomunikasi secara berkesan. Seterusnya, data dianalisis berdasarkan skop bidang LSP secara kualitatif yang menggunakan terminologi khusus dalam bidang ini, seperti:

- i. bahasa iduk/purba
- ii. retensi (kekalkan)
- iii. inovasi (berubah)
- iv. kata kognat (
- v. leksikon purba
- vi. refleks
- vii. kesepadan bunyi (:) – kesepadan fonem antara bahasa/dialek/varian yang dibandingkan dalam jadual kesepadan bunyi.
- viii. penggunaan lambang asterik (*) – diberikan kepada sebarang bentuk purba. Fonem/ kosa kata. (tanda asterik masih dianggap Hipotesis)
- ix. penggunaan simbol kosong O: tiada kesepadan fonem dibandingkan / fonem digugurkan.
- x. penggunaan lambang (>) - melambangkan berubah kepada.
- xi. penggunaan lambang (<) - diturunkan daripada

Pendekatan Rekonstruksi Fonem Secara Kualitatif

Kaedah rekonstruksi dalam mengguna pakai kaedah yang diutarakan oleh Crowley (2010). Menurut Rahim (2017), kaedah merekonstruksi fonem yang dilakukan oleh Crowley (2010) merupakan satu

kaedah yang universal dalam linguistik sejarawi dan cara yang sama juga dimanfaatkan oleh Fox (1995) dan Campbell (2001). Berikut ini adalah urutan dalam melakukan rekonstruksi fonem seperti yang disarankan:

1. Langkah paling utama dilakukan untuk merekonstruksi fonem dengan menentukan kata-kata kognat daripada bahasa turunan yang dibandingkan. Rujuk Jadual 1.
 2. Setelah kata-kata kognat diperolehi, penyusunan set-set korespondensi bunyi dilakukan untuk menerbitkan fonem purba daripada setiap set-set korespondensi bunyi. Rujuk Jadual 2.
 3. Setelah fonem purba ditentukan, maka dalam jangka masa yang sama bentuk kata/morfem/etimon purba daripada bahasa turunan yang dibandingkan itu akan diperoleh juga. Berdasarkan tatacadah Crowley (2010), kata “tajam” dalam dialek HPU dapat direkonstruksikan. Rujuk Jadual 1 hingga Jadual 3 tatacadah merekonstruksi fonem purba.
- a) Tentukan kata kognat

Jadual 1: Penentuan kata kognat dalam dialek/bahasa yang dibandingkan

Makna	PRH	KRN	SLRG	APNS	KHLU	PDG KNYT	BNGR	BSLM	SPG PLAI
1. tangan	taŋε	taŋən	taŋəŋ	taŋən	taŋəŋ	taŋəŋ	taŋən	taŋε	taŋəŋ
2. berat	bəŋa?	bəŋa?	bəŋa?	bəŋa?	bəŋa?	bəŋa?	bəŋa?	bəŋa?	bəŋa?
3. jarum	dʒaŋɔwŋ	dʒarʊŋ	dʒaŋɔwŋ	dʒaŋɔwŋ	dʒarʊŋ	dʒaŋɔwŋ	dʒaŋɔŋ	dʒaŋɔŋ	dʒaŋɔŋ
4. mulut	mulo?	mulo?	mulo?	mulo?	mulo?	mulo?	mulo?	mulo?	mulo?
5. sakit	sake?	sake?	sake?	sake?	sake?	sake?	sake?	sake?	sake?
6. tidur	tidə	tidə	tidə	tidə	tidə	tidə	tidə	tidə	tidə
7. tajam	tadʒæ	tadʒəŋ	tadʒəŋ	tadʒəŋ	tadʒəŋ	tadʒəŋ	tadʒəŋ	tadʒæ	tadʒəŋ

(Nota: PRH (Kg. Perah), KRN (Kg. Kerunai), SLRG (Kg. Selarong), APNS (Kg. Air Panas), KHLU (Kg. Kuak Hulu), PDG KNYT (Kg. Padang Kunyit), BNGR (Kg. Bongor), BSLM (Kg. Bersia Lama) dan SPG PLAI (Kg. Simpang Pulai).

- b) Tentukan perangkat korespondensi/kesepadanannya bunyi

- Perbandingan setiap fonem dilakukan berdasarkan pada kedudukan yang sama. Vokal dengan vokal, konsonan dengan konsonan. Jika konsonan atau vokal tiada pada tempat sepatutnya, maknanya konsonan atau vokal itu telah mengalami inovasi, simbol O perlu diletakkan semasa melakukan perbandingan dalam jadual kesepadanannya bunyi.

Jadual 2. Perangkat Kesepadanannya ‘tajam’ dalam varian turunan DHPU

PRH	KRN	SLRG	APNS	KHLU	PDG KNYT	BNGR	BSLM	SPG PLAI
/t:	t:	t:	t:	t:	t:	t:	t:	t/
/a:	a:	a:	a:	a:	a:	a:	a:	a/
/dʒ:	dʒ:	dʒ:	dʒ:	dʒ:	dʒ:	dʒ:	dʒ:	dʒ /
/ɛ:	e:	e:	ɛ:	a:	a:	a:	ɛ:	a/
/O:	ŋ:	ŋ:	n:	ŋ:	ŋ:	ŋ:	O:	ŋ:

(Nota: PRH (Kg. Perah), KRN (Kg. Kerunai), SLRG (Kg. Selarong), APNS (Kg. Air Panas), KHLU (Kg. Kuak Hulu), PDG KNYT (Kg. Padang Kunyit), BNGR (Kg. Bongor), BSLM (Kg. Bersia Lama) dan SPG PLAI (Kg. Simpang Pulai).

- c) Tentukan bentuk purba (membuat jadual rekonstruksi)

Menentukan fonem purba daripada setiap set perangkat korespondensi. Langkah terakhir inilah merupakan inti dari sebuah usaha rekonstruksi dalam membina bahasa purba kerana akan menentukan fonem purba pada setiap set-set korespondensi/kesepadanannya bunyi tersebut. Dalam hal ini, iaitu untuk menentukan fonem purba, terdapat prinsip yang penting bahawa setiap set

korespondensi tersebut hanya menurunkan satu fonem purba sahaja. Prinsip penentuan satu fonem purba (Campbell 1999 dan Crowley 1992) diringkaskan seperti berikut:

1. rekonstruksi mesti melihat **perubahan bunyi yang munasabah**. Yakni, perubahan bunyi yang umumnya berlaku pada bahasa dunia.
2. sebuah fonem paling banyak dalam bahasa turunan dapat dianggapkan sebagai pantulan linear daripada fonem purba.
3. rekonstruksi mesti mengisi ruang kosong (O) pada sesuatu sistem fonologi sesuatu bahasa, daripada mencipta satu sistem fonologi yang tidak seimbang pada bahasa tersebut.
4. sebuah fonem purba tidak boleh direkonstruksikan sehingga fonem tersebut betul-betul wujud dan dapat dibuktikan pada bahasa turunan.

Seterusnya, menurut Rahim Aman (2018:25), sebelum menetukan fonem purba, perkara penting yang perlu dilakukan adalah mengesan **pengulangan** setiap set koresponsensi tersebut dalam kata-kata yang lain. Ini dikenali juga sebagai **rekurensi**. Setelah dikesan adanya rekurensi, barulah ditetapkan fonem purba. Pengesan rekurensi sangat penting kerana berkait dengan soal kesahihan sesuatu fonem yang direkonstruksikan. Fonem purba akan diragui jika tiada rekurensi tersebut. Sebagai contoh untuk menerangkan langkah ketiga ini, diperturunkan kembali data set korespondensi/kesepadanannya bunyi Jadual 2, melalui penerangan jadual rekontruksi yang lengkap. Rujuk Jadual 3 tataaedah kualitatif, rekonstruksi fonem yang lengkap.

Jadual 3: Rekonstruksi fonem purba bagi kata *[tadʒam]*

PRH	KRN	SLRG	APNS	KHLU	PDG KNYT	BNGR	BSLM	SPG PLAI	Rekurensi	FONEM PURBA
/t:	t:	t:	t:	t:	t:	t:	t:	t:/	1 dan 6	*t
/a:	a:	a:	a:	a:	a:	a:	a:	a/	1, 2, dan 3	*a
/dʒ:	dʒ:	dʒ:	dʒ:	dʒ:	dʒ:	dʒ:	dʒ:	dʒ /	3	*dʒ
/æ:	e:	e:	ɛ:	a:	a:	a:	ɛ:	a/	5	*e
/O:	ɔ:	ɔ:	n:	ŋ:	ŋ:	ŋ:	O:	ŋ/	1 dan 3	*ŋ
										Morfem Purba
										*tadʒəŋ

(Nota: PRH (Kg. Perah), KRN (Kg. Kerunai), SLRG (Kg. Selarong), APNS (Kg. Air Panas), KHLU (Kg. Kuak Hulu), PDG KNYT (Kg. Padang Kunyit), BNGR (Kg. Bongor), BSLM (Kg. Bersia Lama) dan SPG PLAI (Kg. Simpang Pulai).

Berdasarkan Jadual 3, penerimaan fonem purba *t, *a, *dʒ, *e dan *ŋ didasari oleh prinsip pemilihan fonem purba oleh (Campbell 1999 dan Crowley 1992) dan wujudnya rekurensi bunyi berdasarkan Jadual 1. Berdasarkan data-data dalam Jadual 1, dikesan wujudnya rekurensi bunyi [t], [a], [dʒ], [e] dan [ŋ] untuk kesepadanannya bunyi *t, rekurensinya wujud dalam data bernombor 1 dan 6 dalam Jadual 1. Bagi kesepadanannya bunyi *a rekurensinya wujud dalam data bernombor 1, 2 dan 3 dalam Jadual 1. Manakala kesepadanannya bunyi *dʒ dan *e rekurensinya masing-masing wujud dalam data bernombor 3 dan 5. Bagi kesepadanannya bunyi *ŋ rekurensinya wujud dalam data bernombor 1 dan 3 dalam Jadual 1. Maka secara tidak langsung, morfem/kata/ etimon purba yang terhasil merupakan *tadʒəŋ.

Hasilnya, persembahan analisis rekonstruksi fonem dan morfem purba *tadʒəŋ direpresentasikan seperti, **DHPUP *tadʒəŋ ‘tajam > PRH tadʒæ, BSLM tadʒE; KRN dan SLRG tadʒəŋ; KHLU, PDG KNYT SPG PLAI dan BNGR tadʒəŋ; APNS tadʒən**. Seterusnya, untuk menonjolkan rekonstruksi fonem purba, pemaparan analisis data akan dipersembahkan dalam bentuk jadual mengikut kehadiran fonem-fonem pada setiap posisi kata dalam perkataan.

ANALISIS DAPATAN

Analisis dilakukan secara huraian deskriptif menggunakan pendekatan LSP. Oleh itu huraian perbandingannya menggunakan terminologi khusus bidang ini dan beberapa huraian perubahan fonologi yang berkaitan untuk menonjolkan usaha rekonstruksi leksikon DHPUP berdasarkan enam

bidang semantik seperti waktu, alam persekitaran dan warna, kekerabatan, kata ganti nama diri, anggota tubuh badan manusia, emosi dan perbuatan

Waktu

Terdapat empat kata yang merujuk kepada ‘waktu’ yang direkonstruksi di sini, iaitu ‘pagi’, ‘hari’, ‘tahun’, dan ‘malam’. Istilah waktu ‘pagi’ dan ‘hari’ direkonstruksikan sebagai *pagi dan *hayi dalam DHPUP. Kata *pagi diturunkan secara langsung dan teratur dalam semua varian HPU iaitu PRH, KRN SLRG, KHLU, APNS, BNGR, BSLM, PDG KNYT dan SPG PLAI sebagai /pagiy/, begitu juga dengan /hayiy/ diturunkan secara teratur dalam semua varian HPU, iaitu PRH, SLRG, KHLU, APNS, BNGR, BSLM dan SPG PLAI /hari/ pada varian PDG KNYT dan KRN (berlaku perubahan -y- > -r- pada posisi tengah kata). Tambahan lagi, kedua-dua kata dalam dialek HPU ini mengalami proses diftongisasi. Proses ini berlaku apabila wujudnya geluncuran /y/ sesudah fonem vokal /i/ di akhir kata.

Seterusnya kata ‘tahun’ juga wujud teratur dalam semua varian HPU ini walaupun wujud dalam beberapa perbezaan bunyi: PRH /tauŋ/, KRN, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR /θoŋ/, SLRG /tɔwŋ/, BSLM dan SPG PLAI /tahoŋ/. Dalam DHPUP, istilah ini direkonstruksikan sebagai *toŋ (MP *tahun). Kewujudan konsonan aspirasi pada awal kata dalam DHPU seperti contoh ini adalah disebabkan telah melalui proses pemendekan kata.

Bagi kata dasar ‘malam’, rekonstruksi dalam DHPUP adalah ditetapkan sebagai *mala. Berikut adalah refleks pada sembilan varian HPU seperti PRH, APNS, PDG KNYT /mala:/, KRN dan BSLM /male/, SLRG /maleŋ/, KHLU, BNGR, /malaŋ/ dan SPG PLAI /malam/. Berbeza dengan kata ‘petang’. Rekonstruksi DHPUP adalah ditetapkan sebagai *pətang, yakni mengalami inovasi dengan MP *kələ(h)oəm. Refleks DHPUP *pətəŋ dalam varian HPU, KRN, BSLM /pətə/, SLRG /pəteŋ/, KHLU, APNS, BNGR /pətaŋ/, PRH dan SPG PLAI /pəta:/.

Alam Persekutaran Dan Warna

Kata dasar ‘daun’ direkonstruksikan sebagai DHPUP *dəŋ seperti mana wujud dalam PRH, KRN, SLRG, KHLU, BSLM /dəŋ/, APNS, PDG KNYT /dən/, BGR dan SPG PLAI /dəŋ/ (secara teratur MP -n direfleksikan sebagai /-ŋ/ dalam DHPUP. Begitu juga situasi dalam kata ‘dahan’. Kata alam persekitaran ‘dahan’ ini direkonstruksikan sebagai DHPUP *dahəŋ berdasarkan kewujudan kata ‘dahan’ ini secara teratur seperti dalam PRH /dahə/, KRN, APNS, BNGR /dahən/, SLRG /daherŋ/, KHLU dan PDG KNYT /dahəŋ/, SPG PLAI dan BSLM /dahə/.

Seterusnya kata ‘akar’ direkonstruksikan sebagai *aka dalam DHPUP. Semua sembilan varian HPU menunjukkan kewujudan kata ‘akar’ ini secara teratur iaitu /aka:/. Kesemua kata yang berakhir dengan /-r/ atau /-l/ dalam DHPU akan digugurkan, dan kemudiannya vokal sebelumnya itu akan mengalami proses pemanjangan. Selain daripada itu kata ‘pohon’ direkonstruksi dalam DHPUP sebagai *pokok. Kehadiran kata ‘pohon’ dalam DHPU secara teratur, iaitu PRH, BNGR /pokoʔ/, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BSLM dan SPG PLAI /pokoʔ/.

Selanjutnya, untuk kosa kata ‘rambutan hutan’ dan ‘buah’ direkonstruksikan dalam DHPUP sebagai *buoh lapit dan *boh (<MP *buah). Kata ‘buah’ hadir secara teratur dalam varian HPU seperti PRH, SPG PLAI /buwoh/, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR dan BSLM /bəh/. Berbeza dengan kata ‘rambutan hutan’, ia mengalami inovasi penggantian leksikal daripada MP *sibaw. Kata ‘rambutan hutan’ hadir dalam varian HPU seperti PRH /buwəh ləpoʔ/, KRH, KHLU, BNGR, dan BSLM /bəh lepeʔ/, SPG PLAI /buwoh klepeʔ/ manakala dalam beberapa varian mempunyai kata yang tidak sekognat, iaitu dalam varian SLRG dan PDG KNYT /bəh klamu/ dan varian APNS ialah /bəh kləmu/ menunjukkan adanya inovasi leksikal. Kata ‘buluh’ pula direkonstruksikan dalam DHPUP sebagai *buluh berdasarkan kesepadan dalam semua varian HPU PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BSLM, BNGR dan SPG PLAI /buləh/. Jika dibandingkan dengan MP *haur, kata DHPUP *buluh mengalami inovasi leksikal.

Bagi pendapat pengkaji, kata dasar ‘sungai’ direkonstruksikan dalam dua bentuk, iaitu DHPUP *tʃayok dan *suŋa. Menurut penerangan yang diberikan informan-informan di HPU, kata “sungai” ini menjadi perdebatan. Sesetengah varian mengatakan *tʃayok adalah aliran air yang kecil dari bukit, turun ke sungai besar (takungan air). Namun begitu, pernyataan itu juga disangkal oleh informan lain, yang mengatakan ‘sungai’ itu, sememangnya masyarakat HPU menyebutnya sebagai *tʃayok. DHPUP *tʃayok wujud dalam varian HPU SLRG /tʃayoʔ/, APNS /tʃəyoʔ/, dan KHLU /tʃəyoʔ/, manakala DHPUP *suŋa wujud dalam varian HPU KRN, PDG KNYT, BSLM, SPG PLAI /suŋe/, BNGR /suŋe/ dan PRH memiliki kata yang tidak sekognat, iaitu /dʒəyə/. Selain itu, kata ‘mendung’ wujud dalam DHPUP sebagai *dʒau/oŋ. Kata purba DHPUP *dʒaoŋ adalah kata inovasi jika dibandingkan dengan MP *urəm. Refleks bentuk DHPUP *dʒaoŋ yang hadir dalam varian HPU, misalnya KRN, BNGR /dʒəoŋwŋ/, SLRG, KHLU, BSLM, SPG PLAI /dʒəoŋ/, manakala varian lain mempunyai kata yang tidak sekognat, iaitu varian PRH, APNS /ɣəduʔ/ dan PDG KNYT /ɣədup/. Selanjutnya, dalam DHPUP kata ‘air’ direkonstruksikan sebagai DHPUP *ae Kewujudan kata ‘air’ dalam varian HPU adalah seperti PRH, KRN, SLRG, BSLM, BNGR /ae/, APNS, KHLU, PDG KNYT, dan SPG PLAI /ɛ/. Ini menunjukkan berlakunya pengguguran fonem /r/ di akhir kata dalam DHPU jika dibandingkan dengan MP *air.

Kekerabatan

Semua varian HPU memiliki kata dasar ‘anak’ yang teratur yang mengalami retensi atau pengekalan dengan MP *anak. Kata dasar ‘anak’ muncul dalam varian PRH, KRN, BSLM /anoʔ/, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, /anaʔ/ dan SPG PLAI /aneʔ/. Rekonstruksi yang ditetapkan dalam DHPUP ialah *anak. Sedangkan untuk kata ‘suami’ dan ‘isteri’ mengalami inovasi perubahan leksikal dengan MP. Rekonstruksi yang ditetapkan dalam DHPUP ialah *anak. Begitu juga untuk kata ‘suami’ dan ‘isteri’ mengalami retensi dengan MP. Rekonstruksi yang ditetapkan dalam DHPUP bagi kata ‘suami’ ialah *laki dan dalam MP juga wujud sebagai *laki. Kehadiran kata ‘suami’ dalam varian HPU dapat diajukan secara teratur dalam semua varian HPU /laki/, mengalami diftongisasi. Manakala kata ‘isteri’ direkonstruksikan dalam DHPUP sebagai *biniŋ, juga wujud secara teratur dalam semua varian HPU sebagai /b:iniŋ/ berlaku pemanjangan konsonan atau geminasi di awal kata. Retensi daripada MP *biniŋ.

Rekonstruksi DHPUP untuk kata ‘datuk’ dan ‘nenek’ ditetapkan sebagai DHPUP *tʃa dan DHPUP *tok. Kedua-dua kata ini telah mengalami inovasi jika dibandingkan dengan MP *datuk dan MP *niniʔ. Kata kekerabatan ‘datuk’ wujud dalam varian HPU seperti PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR /tʃe/, sementara itu, terdapat dua varian HPU yang hadir dalam bentuk tidak sekognat, iaitu varian BSLM /toʔ/ dan SPG PLAI /tʃeʔwa/. Begitu juga dengan kata ‘nenek’. Kewujudan kata ‘nenek’ pada varian BSLM /neʔ/ dan SPG PLAI /məʔ/ tidak sekognat dengan varian-varian yang lain seperti PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, dan BNGR /toʷʔ/. Kelihatan tujuh varian ini mengalami proses diftongisasi lanjutan .

Seterusnya, rekonstruksi DHPUP untuk kata ‘ibu’ adalah DHPUP *mak (< MP *(ə)maʔ/ /induʔ/ /ina). Refleks DHPUP *mok dalam varian HPU dapat disenaraikan seperti PRH, KRN, SLRG, PDG KNYT, BSLM /məʔ/, APNS, KHLU /maʔ/, BNGR /məʔ/ dan SPG PLAI /meʔ/. Bagi kata ‘bapa’, rekonstruksi DHPUP adalah *pak diturunkan secara langsung daripada MP *apaʔ). Refleks DHPUP *pok dalam varian HPU dapat disenaraikan seperti PRH, BSLM /paʔ/, KRN, SLRNG, APNS, PDG KNYT, BNGR /poʔ/, manakala dua varian lain mempunyai kata yang tidak sekognat, iaitu varian KHLU /boba/ dan SPG PLAI /tʃeʔ/. Selain daripada itu, kata ‘adik’ direkonstruksikan dalam DHPUP sebagai *adek yang merupakan retensi daripada MP *adi dan ia wujud dalam semua varian HPU secara teratur seperti PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI /adeʔ/. Seterusnya bagi kata ‘kakak’ direkonstruksikan sebagai *kak (<MP *kakaʔ) dan dalam varian HPU PRH, BNGR, BSLM, /kakəʔ/, KRN, APNS, PDG KNYT /kaʔ/ dan varian SLRG, KHLU dan SPG PLAI berkongsi kata yang tidak sekognat iaitu /kaʔniʔ/.

Manakala kata ‘ipar’ dalam varian HPU seluruhnya menampilkan kata PRH, KRN, SRLG, KHLU, APNS, PDG KNYT, BNGR, BSLM dan SPG PLAI /ipa:/ (< MP ipar) yang menunjukkan berlakunya pengguguran bunyi [r] pada akhir kata, dan berlaku pemanjangan vokal /a/ di akhir kata dalam varian-varian HPU. Berdasarkan kewujudan secara teratur dalam varian ini, maka kata dasar ‘ipar’ direkonstruksikan sebagai DHPUP *ipa.

Kata Ganti Nama Diri

Bahagian ini akan membincangkan dua bahagian rekonstruksi kata ganti nama. Bahagian yang pertama adalah berkaitan kata ganti nama tunjuk atau pronomina demonstratif. Bahagian kedua adalah berkaitan kata ganti nama diri, yang terdiri daripada kata ganti nama diri tanya (pronomina interogatif) dan kata ganti nama diri orang.

Pronomina demonstratif ‘ini’ dan ‘itu’ ditetapkan rekonstruksinya dalam DHPUP *ni^j dan *tu. Kedua kata dasar ini merupakan retensi langsung daripada MP *(?)⁽ⁱ⁾ni(?) dan *(?)⁽ⁱ⁾tu(?). Perangkat kesepadanannya untuk DHPUP *ni^j dalam varian HPU PRH, BSLM /ni^ŋ/, KRN, SRLG, KHLU, PDG KNYT, BSLM dan SPG PLAI /ni^j/, APNS pula merealisasikannya sebagai /ha?ni^j/. Manakala refleks untuk DHPUP *tu wujud secara teratur dalam semua varian HPU iaitu PRH, KHLU, SPG PLAI, SRLG, BNGR /t^hu^w/, KRN, PDG KNYT /tu^w/, BSLM /tu^j/ dan APNS /ha?tu^w/.

Pronomina interogatif ‘mana’ wujud dalam varian HPU secara teratur PRH, KRN, PDG KNYT, BSLM, SPG PLAI /manə/, SRLG, APNS, KHLU, dan BNGR /mana/. Hasil perangkat kesepadanannya yang dilakukan ini, ditetapkan rekonstruksi kata ‘mana’ DHPUP *mana, jelas menunjukkan retensi secara langsung daripada MP *mana(?). Pronomina interogatif ‘siapa’ direkonstruksi dalam DHPUP sebagai *sapa (DHPUP *sapa < MP *si-apa), seperti keberadaannya dalam varian BNGR /sapo/, KRN, SRLG, BSLM /sapə/APNS, KHLU, PDG KNYT, /sapa/ dan hanya varian SPG PLAI dan PRH tidak mempunyai kata yang tidak sekognat iaitu /pijə/.

Seterusnya rekonstruksi bahagian kedua, iaitu rekonstruksi kata ganti nama orang, yang meliputi tunggal dan jamak. Kata ganti nama orang yang pertama ‘saya’ ditetapkan rekonstruksinya sebagai DHPUP *aku dan *amba. Keputusan untuk merekonstruksikan dua kata bentuk purba dalam DHPUP ini berdasarkan penerangan informan. Sememangnya kata ganti nama pertama *amba digunakan secara aktif dalam pertuturan harian suatu ketika dahulu. Namun sehingga kini, menurut informan, perkataan tersebut digunakan dalam kalangan orang tua sesama mereka. Penggunaan *amba dianggap lebih sopan dan lebih mesra bagi golongan ini. Manakala *aku juga digunakan juga dari dahulu sehingga kini, tidak dinafikan penggunaan *aku dalam varian HPU. Berikut adalah kewujudan bagi kata dasar ‘saya’ dalam varian PRH, KHLU, BNGR, BSLM /ambə/, KRN /saŋə/, SRLG, APNS, PDG KNYT /aku^w/ dan SPG PLAI /akuh/. Kata ganti nama orang pertama (jamak), iaitu ‘kita’ dan ‘kami’ wujud dalam DHPUP sebagai *kito, dan *kami. Semua varian HPU memiliki kata ‘kita’ seperti dalam PRH, BSLM /kito/, KRN, PDG KNYT, SPG PLAI /kitə/, SRLG, APNS, KHLU, dan BNGR, /kita/ yang memperlihatkan perwarisan langsung daripada MP *kita?. Seterusnya, DHPUP *kami wujud secara teratur dalam semua varian HPU sebagai /kamɪ/, berlakunya pendiftongan. Kecuali varian KHLU, SRLG dan SPG PLAI tidak berlaku pendiftongan, tetapi mengalami pelemahan sengauan /-ŋ/ iaitu di realisasikan sebagai /kamɪŋ/.

Kata ganti nama orang kedua ‘kamu’ direkonstruksikan pada tahap tunggal dan jamak. Pada tahap tunggal perkataan ‘kamu’ direkonstruksikan sebagai DHPUP *muŋ berdasarkan kewujudan pada semua varian HPU, seperti PRH, /hē/, KRN, KHLU, BNGR, SPG PLAI /muŋ/, SRLG, APNS, BSLM, dan PDG KNYT /mu^w/ (MP *kau). Manakala daripada segi jamak, perangkat kesepadanannya adalah seperti PRH, /muŋ/, KRN /mu^w/, SRLG /muha/, APNS, KHLU, BNGR, PDG KNYT /moha/, BSLM dan SPG PLAI /mika/. Berdasarkan refleks tersebut rekonstruksi ‘kamu’ untuk jamak adalah DHPUP *moha. Menurut informan, kata purba *moha tersebut digunakan untuk menyapa dua orang atau lebih, mahupun dikatakan adalah singkatan bahasa kini untuk ‘kamu semua’. Jika dibandingkan dengan MP *kamu, kata *moha mengalami inovasi leksikal.

Seterusnya, bentuk jamak untuk kata ganti nama orang ketiga, iaitu ‘mereka’ direkonstruksikan dalam DHPUP *dema. Secara teratur dilihat kewujudan kata purba *dima dalam varian PRH, BSLM /demo/, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, SPG PLAI /dema/ manakala KRN /mikə/, dan BNNGR /mika/ mempunyai kata yang tidak sekognat. Jika dibandingkan dengan MP *sida?, kata purba DHPUP *dema mengalami inovasi leksikal. Terakhir ialah, kata ganti nama orang ketiga tunggal ‘dia’. Kata ‘dia’ wujud dalam varian PRH, BSLM, SPG PLAI /diyo/, KRN, SLRG, /diyo/, APNS /dija/, manakala KHLU /dema/, BNNGR dan PDG KNYT /mika/. Varian KHLU dan BNNGR menggunakan kata yang sama untuk kata ganti nama orang ketiga, samada tunggal atau jamak. Oleh itu, rekonstruksi yang ditetapkan untuk kata nama ganti orang ketiga tunggal ‘dia’ ialah DHPUP *dijo. (DHPUP *dijo < MP *ia).

Anggota Tubuh Badan Manusia

Kata purba MP *hulu (?) ‘kepala’ dan *u(n)tək ‘otak’ direfleksi dalam DHPUP sebagai *pala dan *otak. Dalam semua varian HPU, refleks DHPUP *pala hadir dalam perangkat kesepadan yang teratur iaitu, KHLU, BNNGR /pala/, SLRNG /p:alə/, PDG KNYT, BSLM /palə/, PRH /k^opalo/, KRN /kəpalə/, APNS dan PDG KNYT /k^opalo/. Refleks kesepadan DHPUP *otak juga teratur seperti dalam PRH, BSLM /otoʔ/, KRN, BNNGR /otəʔ/, SLRG, APNS, PDG KUNYIT dan /ətaʔ/.

Rekonstruksi kata dasar ‘lidah’ ditetapkan sebagai DHPUP *lidah (<MP *dilah) sepetimana yang hadir dalam varian PRH, APNS, BSLM /lidəh/, KRN, SLRG, KHLU, PDG KNYT, BNNGR, dan SPG PLAI /lidah/. Kata purba HPU *lidah ini mengalami metatesis dalam MP *dilah. Syarat metatesis dipenuhi dalam perubahan bunyi ini, iaitu kedua-dua kata purba ini mempunyai bilangan dan jenis fonem yang sama, walaupun terdapat kesongsongan dalam susunan fonem tersebut. Syarat kedua yang dipenuhi ialah maknanya yang sama iaitu, DHPUP *lidah dan MP *dilah adalah alat deria yang berfungsi untuk merasa sesuatu.

Seterusnya rekonstruksi kata ‘leher’ dalam DHPUP ditetapkan sebagai DHPUP *təkak, dan keberadaan kata purba DHPUP ini menunjukkan berlakunya penggantian item leksikal berbanding MP *lihər. Refleks kesepadan DHPUP *təkok adalah seperti PRH /batə təkoʔ/, KRN, APNS, BNNGR /təkoʔ/, SLRG /t^həkəwʔ/, dan varian HPU lain memiliki kata yang tidak sekognat seperti KHLU, BSLM /lahe/, PDG KNYT dan SPG PLAI /lehe/. Seterusnya bagi ‘lutut’ adalah direkonstruksikan sebagai DHPUP *lutut. DHPUP kata ‘lutut’ semua varian HPU mewujudkan; PRH /lutoʔ/? KRN, APNS /kəpalə lutuʔ/, SLRG /lutoʔ/ KHLU /palə lutuʔ/, PDG KNYT, BSLM, SPG PLAI /lutoʔ/, dan BNNGR /palə lutəwʔ/ (< PMP *tuhud).

Berkaitan kata dasar bagi anggota badan dalaman ini, ‘jantung’ dan ‘hempedu’, masing-masing ditetapkan rekonstruksi DHPUP sebagai *dʒatoŋ dan *pədu ini adalah retensi langsung daripada MP *jantung dan *hAmpədu. Perangkat kesepadan untuk DHPUP *dʒatoŋ seperti dalam semua varian HPU PRH, KRN, SLRG, APNS, KHLU, PDG KNYT, BNNGR, BSLM dan SPG PLAI /dʒatoŋ/. Refleks DHPUP *pədu juga menghadirkan perangkat kesepadan yang teratur dalam semua varian HPU seperti PRH, APNS, BSLM /p:əduw/, KRN, KHLU, BSLM, SPG PLAI /pəduw/ dan SLRG /məpəduw/. Berikut ini pula bagi kata dasar ‘urat’. Perangkat kesepadan untuk DHPUP *uyat seperti dalam PRH, SLRG, APNS, BSLM /uyaʔ/, PDG KNYT /urat/, SPG PLAI /oyaʔ/, dan varian lain memiliki kata yang tidak kognat, misalnya KRN /dʒalin/, BNNGR dan KHLU /kuja/.

Berikut ini antara kata purba DHPUP yang mengalami inovasi leksikon, atau penggantian leksikal apabila dibandingkan dengan MP (sesetengah kata PMP). Kata dasar yang direkonstruksikan adalah seperti ‘susu’ dan ‘kerongkong’. Hasil rekonstruksi DHPUP untuk kata ‘susu’ ditetapkan sebagai *tek. Kehadiran DHPUP *tek dalam varian HPU adalah seperti PRH, KRN, SLRG, KHLU, PDG KNYT /teʔ/ manakala varian yang lain mempunyai kata yang tidak sekognat, iaitu varian APNS /neneŋ/, BNNGR /kopeʔ/, BSLM /su^wsu^w/ dan SPG PLAI /kɔpeʔ/. Rekonstruksi kata dasar ‘kerongkong’ pula ditetapkan sebagai DHPUP *yəkoŋ dan keberadaan kata purba DHPUP ini menunjukkan retensi PMP *keruŋkuŋ. Refleks kesepadan DHPUP *yəkoŋ adalah seperti, PRH,

KRN, PDG KNYT, SPG PLAI /yəkoŋ/, SLRG, BSLM /ləkoŋ/, KHLU /kʰekoŋ/ dan varian selebihnya mempunyai kata yang tidak sekognat, iaitu APNS /anoʔ lidəh/ dan BNGR /təkoʔ/.

Emosi Dan Perbuatan

Kata ‘gigit’ , ‘pukul’ dan ‘sembunyi’ direkonstruksikan dalam DHPUP sebagai *kike *godan dan *jusup. Ketiga-tiga kata DHPUP ini mengalami inovasi jikalau dibandingkan dengan MP, iaitu *gigit ‘gigit’ , MP *paluʔ/*pukul ‘pukul’ dan MP *buni ‘sembunyi’. Kehadiran kata ‘gigit’ dalam varian HPU dapat diajukan seperti PRH, APNS, KHLU, BNGR /kikaj/, KRN, SLRG, PDG KNYT, BSLM dan SPG PLAI /kike/. DHPUP *gudan ‘pukul’ direfleksikan dalam varian HPU, iaitu PRH /goda:/, SLRG /godeŋ/, KHLU, SPG PLAI /godan/, BNGR /godaq/ manakala varian lain memiliki kata tidak sekognat. KRN /bəyembah/, APNS dan BSLM /katoʔ/, PDG KNYT /piaʔ/. Seterusnya DHPUP *jusup yang mengalami inovasi leksikal ini dapat diutarakan seperti PRH, PDG KNYT, SPG PLAI /jusup/, KRN, BNGR /jusuʔ/, SLRNG /tusup/, APNS /nəyoʔ/, KHLU /nusuʔ/, dan BSLM /susup/. Inovasi leksikal yang dimaksudkan adalah apabila perkataan tersebut dibandingkan dengan MP, iaitu penetapan bagi kata ‘sembunyi’ adalah MP *buni.

Bagi kata ‘potong’ pula, juga mengalami inovasi leksikon jikalau dibandingkan dengan MP *təkək/ *putuŋ. Kata dasar ‘potong’ direkonstruksikan dalam dua bentuk DHPUP *kəyat dan *hiyih. Menurut masyarakat HPU, penggunaan kata ‘potong’ didasari pada keadaan dan jenis alatan yang digunakan. Situasi yang pertama adalah memotong sayur dengan menggunakan pisau, bentuk DHPUP *hiyih. Situasi kedua, memotong kayu dengan menggunakan parang, bentuk DHPUP *kəyat. Berikut adalah refleks DHPUP *hiyih dalam varian HPU seperti PRH, SPG PLAI /içeh/ KRN, PDG KNYT, /hiyih/, SLRG, APNS, BNGR /hiyic/, KHLU /hiyeh/ dan BSLM /yətsih/. Seterusnya refleks DHPUP *kəyat dalam varian HPU seperti PRH, KRN, SLRG, KHLU, PDNG KNYT , SPG PLAI /kəyaʔ/, BNGR dan BSLM /takay/ (< MP *təkək).

Selain daripada itu, kata ‘duduk, dan ‘hisap’ juga mengalami penggantian leksikal. Rekonstruksi yang ditetapkan dalam DHPUP *tʃətok ‘duduk’ dan DHPUP *kulunj/*lijih ‘hisap’. Kehadiran DHPUP *tʃətok dan DHPUP *kulunj/*lijih menggambarkan berlakunya inovasi dalam DHPUP kerana MP memiliki *hi(i)səp ‘hisap’ dan MP*duduk ‘duduk’. Inovasi leksikal ‘duduk’ ini dapat diutarakan seperti PRH, KRN, KHLU, PDG KNYT /tʃətəʔ/, BSLM /ɲətəʔ/, SLRG, APNS, BNGR, dan SPG PLAI /doʔ/. Manakala bagi leksikal ‘hisap’ diutarakan seperti PRH, BSLM /kulɔw/, APNS, BNGR, SPG PLAI /kulɔŋ/ KRN, SLRG, KHLU /lijeh/ dan PDG KNYT /isaʔ/.

Seterusnya, berkaitan dengan kata dasar perasaan/sikap ‘baik’ direkonstruksikan dalam DHPUP *baik. Ini menunjukkan perkataan ‘baik’ adalah retensi langsung daripada MP *baik. Sementara itu, kata ‘baik’ yang hadir dalam varian HPU dilihat hadir secara teratur dalam BNGR, BSLM, PDG KNYT sebagai /baiʔ/, PRH, SLRG, APNS /baʔ/, KRN /baeʔ/ SPG PLAI /sənia/ dan KHLU /beʔ/ jadi direkonstruksikan sebagai DHPUP *baik.

Selain itu, kata dasar ‘bimbang’ dan ‘jujur’ masing-masing direkonstruksikan dalam DHPUP sebagai *bimba dan *bəto. Penetapan ini dilakukan berdasarkan kewujudan secara teratur dalam kata ‘bimbang’ seperti KRN, PDG KNYT /bimba/, APNS /bibeŋ/, BNGR dan BLMA /bibe/, manakala varian lain memiliki kata yang tidak sekognat, PRH /yusin pəyəwʔ/, SLRG /goba/, KHLU. / toʔtəhu yah/ dan SPG PLAI /yiso /. Kata DHPUP *bimba ini menunjukkan DHPU memiliki keunikan tersendiri berbanding dialek Patani lain, yang kebanyakannya tidak mempunyai hormoganik nasal. Bagi kata ‘jujur’ yang direkonstruksikan sebagai *bəto adalah hasil dari perangkat kesepadan yang wujud dalam kesemua sembilan varian HPU secara teratur /bətə/.

PERBINCANGAN ANALISIS

Analisis rekonstruksi yang dilakukan pada enam bidang semantik DHPUP memperlihatkan bahawa DHPUP masih memiliki leksikonnya yang tersendiri, walaupun ada sebahagian DHPUP memiliki ada

pewarisan langsung daripada bahasa MP. Sebagai contoh, retensi leksikal dalam DHPUP daripada bahasa MP paling banyak berlaku, adalah dalam bidang semantik ‘waktu’. Perkara ini bukanlah sesuatu yang asing, tentunya DHPUP akan mewarisi bahasa purba turunannya, MP. Begitu juga dengan sembilan varian dalam DHPUP. Sebahagian varian memperlihatkan banyak retensi daripada dialek induknya yang membuktikan hubungannya lebih dekat, seperti varian APNS, SLRG, BSLM, dan BNKR. Manakala inovasi leksikal DHPUP banyak berlaku dalam bidang semantik ‘emosi dan perbuatan’. Varian KHLU PRH dan SPG PLAI merupakan varian yang mengalami paling banyak inovasi leksikon daripada DHPUP. Keadaan ini menjadikan kelompok varian ini dipencarkan dalam satu kelompok yang berbeza. Jadual 4 memperlihatkan secara jelas inovasi leksikal yang berlaku berdasarkan dapatan analisis perbandingan yang dilakukan.

Jadual 4. *Inovasi leksikal varian KHLU, PRH dan SLRG*

No.	BMS	MP	DHPUP	Varian HPU
1.	rambutan liar	*sibaw	*buoh lapit	PRH buwəh ləpoʔ SLRG buwoh klepeʔ
2.	buluh	*haur	*buluh	PRH buloh, KHLU buləh
3.	sungai	*sungay	*tʃayok/ *suŋa	PRH dʒəyə
4.	mendung	*urəm	*dʒaoŋ	KHLU, SLRG dʒaoŋ, PRH ɣədu?
5.	datuk	*datuk	*tʃa	PRH, KHLU tʃə, SPG PLAI tʃə?wa
6.	neneh	*nini?	*tok	PRH, KHLU toʷ?, SPG PLAI mə?
7.	bapa	* apa(?)	*pok	KHLU boba, SPG PLAI tʃe?
8.	kakak	*kaka?	*kak	KHLU, SPG PLAI ka?ni?
9.	siapa	*si-apa	*sapa	SPG PLAI piŋɔ
10.	kamu	*kau	*muŋ	PRH hẽ
11.	leher	*lihər	*təkok	KHLU lahə, SPG PLAI lehe
12.	urat	*urat	*uŋat	KHLU kuya
13.	buah dada	*susu	*tik	SPG PLAI kəpə?
14.	gigit	*gigit	*kike	KHLU kikay
15.	pukul	*palu?/pukul	*godan	KHLU SPG PLAI godan
16.	sembunyi	*buni	*ŋusup	PRH ŋusup
17.	baik	*baik	*baik	SPG PLAI sənia

Nota. Perbandingan data yang mengalami inovasi leksikon di antara bahasa Induk MP dengan DHPUP bersama varian PRH, KHLU dan SPG PLAI.

Manakala varian KRN dan PDG KNYT, sejak awal rekonstruksi fonem telah dipencarkan dalam kelompok yang berlainan kerana mempunyai kelainan fonem [-r-] pada tengah kata ([r-] < MP *r > DHPUP *ɣ), dan mengekalkan konsonan [t] dan [p] di akhir kata ([-t, -p < MP *t, *p]). Ini

merupakan retensi langsung terus daripada MP. Selain rekonstruksi fonologi dan morfologi, rekonstruksi leksikon inilah juga antara penyumbang dalam melakukan klasifikasi/pengelompokan dialek HPU. Sedikit sebanyak input dalam rekonstruksi ini dapat memberikan maklumat yang tuntas dalam pengelompokan varian HPU, jika terdapat kekangan dalam rekonstruksi fonologi dan morfologi yang sebelumnya. Oleh itu, kajian ini mampu memberikan input baharu dalam pengelompokan dialek Hulu Perak yang telah dilakukan oleh Ismail Hussien (1973), Harun Mat Piah (1983) dan Asmah Haji Omar (2015) sebelum ini. Jika dahulu pengelompokan hanya didasari perbezaan dialektal, tetapi melalui LSP, ciri inovasi dan retensi dilihat mempunyai bukti yang lebih empirikal dalam isu melakukan pengelompokan dialek.

Analisis rekonstruksi leksikon secara perbandingan kualitatif ini memperlihatkan kajian dialek di HPU memberikan dimensi yang berlainan dengan kajian-kajian lepas. Kajian-kajian lepas hanya membuat perbandingan dialek semasa. Misalnya kajian Norhashimah (2015) dan Siti Noraini et al. (2017) menjurus kepada penghasilan peta yang lebih sistematik bagi melihat perkongsian dan kelainan leksikal di Hulu Perak. Begitu juga kajian Sakinah & Fazal (2016) yang hanya dilihat tidak terperinci dalam kajian varian HPU. Kajian tersebut hanya menyentuh sedikit sahaja kepelbagaian varian yang wujud di HPU, sesuai dengan matlamat kajian mengenalpasti dan menentukan kedudukan kata tanya dalam dialek Perak Utara. Ini berbeza dengan kajian LSP, iaitu dapat melihat salasilah hubungan dialek induk dengan varian masa kini. Hasilnya, kajian ini memperlihatkan DHPUP telah memencarkan sebanyak sembilan varian, yang dikelompokkan dalam tiga kumpulan bersanak berdasarkan inovasi dan retensi yang dikongsi bersama, sejurusnya memperlihatkan hubungan jauh dekatnya varian-varian tersebut dengan dialek induknya DHPUP.

KESIMPULAN

Makalah ini telah menghuraikan hubungan linguistik bahasa induk MP dan dialek induk DHPUP bersama varian turunannya dengan cara rekonstruksi leksikon yang meneliti inovasi dan retensi menerusi kaedah perbandingan. Hasilnya, makalah ini merealisasikan objektif kajian linguistik sejarah. Pertama, makalah ini telah berjaya menonjolkan leksikon purba dialek HPU yang diandaikan wujud suatu ketika dahulu melalui kaedah rekonstruksi dalaman. Kedua, makalah ini berjaya menelusuri hubungan linguistik antara bahasa purba MP dan DHPUP bersama sembilan varian turunannya. Perbandingan awal yang dilakukan menjelaskan bahawa DHPUP memiliki leksikonnya yang tersendiri walaupun mempunyai retensi langsung daripada bahasa induknya. Manakala, varian turunan DHPUP dipencarkan kepada tiga kelompok, iaitu kelompok pertama PRH, KHLU dan SPG PLAI, Kelompok kedua KRN dan PDG KNYT, dan kelompok ketiga SLRG, APNS, BNKR, dan BSLM. Pemencaran DHPUP daripada bahasa induknya dan pemencaran DHPUP menurunkan beberapa varian menunjukkan bahasa mengalami perkembangan daripada masa ke semasa dan kreatifnya manusia mencipta leksikon baru dalam berinteraksi. Namun begitu yang uniknya, makna leksikon varian yang dituturkan di HPU kini masih difahami dan masih sama konteks penggunaannya dengan bahasa purbanya MP.

RUJUKAN

- Adeelar, K.A. 1992. *Proto-Malayic: The Reconstructions of Phonology and Parts of Its Morphology and Lexical Pacific Linguistic*, Series C 119. Canberra: The Australia National University.
- Ahmad Fathy Al Fathoni. 1994. *Pengantar Sejarah Patani*. Thailand: Pustaka Darussalam.
- Asmah Haji Omar. 1995a. *Rekonstruksi Fonologi Bahasa Melayu Induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1995b. *Rekonstruksi kata dalam Bahasa Melayu Induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2015. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Campbell, L. 2001. *Historical Linguistics: An Introduction*. Edinburgh University Press.
- Collins, J.T. 1983. *Dialek Ulu Terengganu*. Monograf 8, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM. Bangi: Penerbit UKM.
- Collins, J.T. 1987. *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Crowley, T., & Bowern C. 2010. An Introduction to Historical Linguistics. Auckland: Oxford University Press.
- Fox, A. 1995. *Linguistic Rekonstruktion: An Introduction to Theory and Method*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Groys, K. 1996. *Linguistik Bandingan Historis*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Harun Mat Piah. 1983. Dialek Perak: Satu Tinjauan Ringkas. *Kertas Kerja Bengkel Kepimpinan & Pengajian Kebudayaan* hlm. 20-23. Ipoh: Jabatan Kebudayaan Belia & Sukan Negeri Perak
- Ismail Hussein. 1973. Malay Dialects in Peninsular. *Nusantara* 3: 63-79.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman & Shahidi A. Hamid. 2014. *Fosil Dialek Melayu Hulu Pahang*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Zamberi A. Malek. 2017. Pertikaian Kawasan Perlombongan di Hulu Perak. Dlm. Mohamad Rashid Pakri & Nik Haslinda Nik Hussain (pnyt.) *Klian Intan Perlombongan Bijih Timah dan Perkembangan Sosioekonomi*, hlm. 24-78. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Norfazilah Ab. Hamid. 2014. Rekonstruksi dan Pengelasan Bahasa Melanau Purba. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norfazilah Ab. Hamid. 2015. Rekonstruksi Vokal dan Diftong Bahasa Melanau Purba. *GEMA Online Journal of Language Studies* 15(1): 189-206.
- Norfazilah Ab. Hamid. 2021. Metodologi Diakronik Dialek Langkawi. Dlm Maslida Yusof, Karim Harun & Rahim Aman (pnyt), *Kaedah dan Teknik Penyelidikan Linguistik Melayu*, hlm. 78-84. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. Penyebaran Dialek Patani di Perak: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 8(2): 310-330.
- Noriah Mohamed & Rohani Mohd Yusof. 2011. *Pengelompokan Leksikostatistik bahasa-bahasa Peribumi di Sarawak*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Noriah Mohamed. 2021. Menelusuri Makna Linguistik Sejarah dan Perbandingan. Dlm. Noriah Mohamed (pnyt), *Menelusuri Inti Sari Linguistik Sejarah dan Perbandingan*, hlm 1-12. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Nur Habibah Che Rosdi. 2014. Dialektologi Geografi Hulu Perak Utara: Perbandingan Fonologi dan Leksikal. Tesis Sarjana. Jabatan Pengajian Melayu, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nuwairi. 2003. Dialek: Taburannya di Negeri Perak daripada Perspektif Dialektologi. *Jurnal Pengajaran Melayu* 13: 88-99.
- Rahim Aman. 2017. *Linguistik Bandingan Bahasa Bidayuhik*. Edisi ke-2. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Rahim Aman. 2018. *Linguistik Bandingan Bahasa Iban*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Raja Mukhtaruddin. 1986. *Dialek Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.
- Roslelawati Abdullah. 2017. Industri Bijih Timah. Dlm. Mohamad Rashid Pakri & Nik Haslinda Nik Hussain (pnyt.) *Klian Intan Perlombongan Bijih Timah dan Perkembangan Sosioekonomi*, hlm. 8-23. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Sakinah & Fazal Mohamed. 2016. Bentuk dan Kedudukan Kata Tanya Dialek Perak Utara: Satu Huraian Deskriptif. *Jurnal Bahasa* 6(2): 53-274.
- Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. 2017. Migrasi Masyarakat Luar dan Pengaruh dialek di Perak: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Bahasa* 17(1): 1-34.
- Tajul Arrippin Khasin. 2002. Penasalan Vokal dalam Bahasa Melayu Standard dan Dialek Patani Gerik: Satu Huraian Perbandingan. *Jurnal Bahasa* 2(3): 374-395.
- Tajul Arrippin Khasin & Tarmiji Misron. 2014. Persamaan dan Perbezaan Fonologi Dialek Melayu Patani Gerik, Lenggong, Batu Kurau. Dlm. Noriah Mohamed (pnyt), *Pendekatan Konstratif dan Komparatif Bahasa-bahasa di Malaysia*, hlm. 37-58. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia
- Zaharani Ahmad. 1991. *The Phonology and Morphology of Perak Dialect*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nur Habibah Che Rosdi, (Ph.D)
Bahagian Linguistik Bahasa Melayu,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
Email: nurhabibahcr@usm.my

Received: 2nd May 2025

Accepted: 9th June 2025

Published: 30th June 2025